

Hak Kontraktual Pihak Ketiga: Kerangka Praktikal bagi Malaysia

(Third Party Contractual Rights: A Practical Framework for Malaysia)

SUZANNA MOHAMED ISA
SAKINA SHAIK AHMAD YUSOFF

ABSTRAK

Perbincangan mengenai hak kontraktual biasanya berkisar kepada hak dan tanggungan pihak-pihak yang berkontrak. Doktrin priviti memberi keistimewaan kepada pihak-pihak yang berkontrak. Sungguhpun begitu, perkembangan semasa yang membawa perubahan kepada tata cara sesuatu kontrak itu dimeterai turut membawa perubahan kepada hak kontraktual pihak ketiga. Pada awalnya, hak kontraktual pihak ketiga dianggap lazim bagi negara-negara yang mengamalkan undang-undang sivil namun asing bagi negara-negara yang mengamalkan common law. Kini, semakin banyak negara common law yang menyedari ketidakadilan kepada pihak ketiga yang diberi faedah menerusi kontrak oleh pihak-pihak yang berkontrak lalu mereka mengubah kerangka perundangan mereka bagi memberi keadilan kontraktual kepada pihak ketiga. Bertitik tolak dari itu, artikel ini cuba mengenengahkan satu kerangka praktikal bagi Malaysia. Untuk tujuan ini, landasan teoretis dan substantif bagi memberi hak kontraktual kepada pihak ketiga dibincangkan dengan menggunakan analisis legalistik tulen.

Kata kunci: Kontrak; hak kontraktual; pihak ketiga; Malaysia

ABSTRACT

Discourses on contractual rights almost always centres around rights and obligations of contracting parties. The doctrine of privity awards special treatment to these parties. Nonetheless, current evolution which has brought about diversity in contracting methods, has also impacted contractual rights of third parties. In the beginning, third party contractual rights which is a norm in countries practicing civil laws, are seen to be 'alien' in common law countries. Now, many common law countries have recognised the injustice to third parties who have received contractual benefit from contracting parties and have sought to rectify the situation through legislative measures. It is from this contention that this article attempts to put forth a practical framework for Malaysia. For this purpose, the theoretical and substantive platform to provide contractual rights of third parties is discussed by employing the pure legalistic analysis.

Keywords: Contract; contractual rights; third party; Malaysia

PENDAHULUAN

“One of the hallmarks of an advance society is that its laws should not only be just but also that they should be kept up-to-date and be readily accessible to all who are affected by them.”¹ Demikianlah yang dinyatakan dalam kertas putih bagi pembentukan Suruhanjaya Undang-undang England dan Scotland. Kenyataan ini sememangnya masih relevan dan kontemporari walaupun telah berusia lebih empat puluh tahun. Keupayaan undang-undang untuk bergerak seiringan dengan perkembangan sosio-ekonomi-politik adalah amat perlu demi memenuhi asas kewujudannya. Di negara yang mengamalkan sistem *common law* perkembangan undang-undang sedemikian boleh berlaku menerusi dua pendekatan, daya kreatif legislatif dan kehakiman.

Di England, terdapat lebih banyak undang-undang yang dikembangkan oleh para hakim daripada yang berasaskan kepada akta-akta parlimen. Inilah yang

dikenali sebagai *common law*. Hampir keseluruhan bidang undang-undang di England seperti undang-undang kontrak dan tort adalah berasaskan kepada *common law*, dengan sedikit penambahan menerusi peruntukan akta parlimen.² Adalah dikemukakan di sini bahawa oleh kerana undang-undang kontrak Malaysia telah ‘diperturunkan’ menerusi kaedah kolonisasi, maka apa yang sebenarnya telah dan sedang diguna pakai adalah *common law* Inggeris. Walau bagaimanapun, semasa mahkamah Malaysia mengguna pakai kaedah *common law* ini, penyesuaian terhadap keperluan tempatan diambil kira seperti yang diperuntukkan dalam seksyen 3 dan 5 Akta Undang-undang Sivil 1956. Oleh yang demikian, undang-undang kontrak yang sebenarnya terpakai di Malaysia bukanlah *common law* Inggeris yang tulen. Ia adalah *common law* ala Malaysia kerana ia merupakan keputusan hakim yang telah mengambilkira keperluan tempatan. Seperkara lagi yang unik tentang kerangka undang-undang kontrak Malaysia adalah

ianya telah distatutkan dalam satu akta pemakaian am iaitu Akta Kontrak 1950. Dengan demikian, sebahagian *common law* yang di 'import' dari England itu telah pun dijelmakan dalam bentuk yang nyata. Ini bermakna secara hakikatnya adalah mustahil dalam bidang undang-undang seperti kontrak untuk mengeneppikan *in toto* pemakaian *common law* Inggeris kerana asas undang-undang kontrak Malaysia, yakni Akta Kontrak 1950 itu sendiri adalah *common law* Inggeris. Sekiranya ada pihak yang berkeras untuk mengeneppikan *common law* Inggeris, ini bermakna mereka perlu menggantikan kesemua undang-undang kontrak Malaysia dan memperkenalkan secara keseluruhan suatu kerangka undang-undang kontrak yang baru.

Petikan di atas menerangkan bagaimana undang-undang harus terus 'hidup' dan berkembang mengikut peredaran zaman. Dalam bidang undang-undang yang melibatkan ilmu ekonomi seperti kontrak, adalah amat penting untuk meneliti pergerakan 'iklim' ekonomi global kerana perubahan yang sering berlaku memerlukan perundangan yang anjal dan berupaya memenuhi keperluan semasa. Kecanggihan teknologi yang memungkinkan perhubungan yang bersifat spontan telah mengubah tatacara berkomunikasi yang sekaligus turut memberi impak kepada kaedah perdagangan atau perniagaan dikendalikan di merata pelosok dunia. Kini kontrak antara dua atau lebih pihak boleh dimeterai dengan sekelop mata dan di mana jua mereka berada, baik dalam urusan perniagaan yang bersifat global, serantau mahupun nasional. Apatah lagi dengan wujudnya syarikat-syarikat transnasional yang menganjurkan pembikinan sesuatu barangan itu menerusi pembuatan dan/atau pemasangan pelbagai komponen yang dilakukan di beberapa negara di dunia. Keadaan sebegini turut memerlukan undang-undang yang mampu bergerak seiringan dengan perkembangan sedemikian dan mempunyai ciri-ciri yang setara antara negara-negara yang terlibat demi memberi kepastian dan kejelasan kepada pihak-pihak yang terlibat. Pengiktifaran hak pihak ketiga kelihatan telah lama wujud dalam kerangka undang-undang sivil misalnya di Jerman dan Perancis. Suasana sedemikian di negara-negara tersebut, yang turut merupakan rakan dagang negara-negara yang mengamalkan *common law*, telah sedikit sebanyak mempengaruhi perubahan yang berlaku di beberapa negara yang mengamalkan *common law* seperti Australia, New Zealand, United Kingdom dan Singapura,³ dari penggunaan prinsip doktrin priviti yang begitu mencengkam kepada pembukaan ruang bagi *jus quaesitum tertio* (hak pihak ketiga) tanpa pemansuhan doktrin priviti secara total. Ini jelas memperlihatkan bagaimana keadaan serta keperluan semasa akhirnya berupaya mengubah pendirian dan membawa kepada keadaan yang lebih adil dan sesuai dengan perkembangan kontemporari dunia. Keupayaan mengadaptasi dan adopsi sesuatu undang-undang itu untuk memenuhi keperluan tempatan, serantau dan global mempamerkan nilai tambah dan keunikannya. Pergerakan seiringan

sebeginilah yang amat diperlukan di Malaysia, lebih-lebih lagi dalam usaha negara untuk menuju status negara maju menjelang 2020.

Terdapat beberapa pendekatan yang boleh digunakan demi membawa perubahan yang serupa di Malaysia, yakni mengiktiraf *jus quaesitum tertio* tanpa pemansuhan keseluruhan doktrin priviti. Kreativiti kehakiman merupakan opsyen yang pertama yang boleh dipilih apabila berhadapan dengan permasalahan priviti-*jus quaesitum tertio* ini. Ia dianggap baik kerana ia lebih anjal. Ia juga berupaya menggalakkan daya kreatif badan kehakiman menerusi 'ideologi' kehakiman seperti paternalisme dan realisme bagi memenuhi keperluan yang spesifik. Namun, nilai kontra kreativiti kehakiman adalah kaedah ini akan hanya menambahkan himpunan 'undang-undang' yang dihasilkan pihak mahkamah. Mahkamah juga hanya boleh bertindak sekiranya keadaan yang sesuai wujud dan ini adalah suatu situasi yang tidak menentu kerana ia bergantung kepada kes-kes yang dikemukakan kepadanya. Ini turut bermakna adalah mustahil untuk ditentukan bila suatu peluang untuk melakukan reformasi akan wujud. Walaupun peluang berkenaan timbul dan mahkamah bertindak seperti yang dijangkakan, hasilnya akan hanya menyebabkan lebih ketidakpastian undang-undang akibat daripada terlalu banyak kecualian yang dihasilkan. Ini telah digambarkan dengan baik oleh Lord Goff dalam *Re The Makhutai*⁴:

Terdapat perbezaan pendapat tentang keinginan untuk menerima pakai satu bentuk pindaan atau kecualian kepada doktrin priviti kontrak yang tegas bagi... menyesuaikan jangkaan komersial bahawa faedah dari terma tertentu kontrak pengangkutan perlu turut boleh diguna pakai oleh pihak-pihak yang terlibat dalam usaha berkenaan tetapi bukan merupakan ahli kepada kontrak. ...Pada awalnya kelihatan kesediaan di pihak para hakim untuk memperakui tuntutan [pihak ketiga]. ...Sungguhpun begitu, pendapat ini kemudiannya menentang mereka pada pertengahan kurun ini ketika bandul berhayun kembali ke arah kepercayaan ortodoks dalam *Midland Silicones Ltd. v Scruttons Ltd.* [1962] AC 446; tetapi pada masa kini ia telah kembali berhayun kepada penerimaan terhadap keperluan komersialnya...

Terdapat satu lagi faktor yang mengendalakan pemakaian kaedah ini di Malaysia. Faktor yang dimaksudkan adalah daya kreativiti kehakiman seperti yang dimaksudkan Lord Goff itu seakan ketandusan di Malaysia bila mana berhadapan dengan persoalan priviti. Rata-rata kes⁵ yang dikaji mempertontonkan keberatan untuk berganjak dari keputusan kes *Kepong Prospecting Ltd. & Ors. v Schmidt*⁶ yang telah dibuat hampir lima puluh tahun yang lalu. Penghakiman Yang Arif Hakim Abdul Malik⁷ yang secara nyata menyatakan bahawa pihak yang perlu menyelesaikan permasalahan *jus quaesitum tertio* adalah badan Legislatif jelas membuktikan bahawa sebarang perubahan, dianggap Yang Arif sebagai 'kompleks,' yang ingin diperkenalkan tentang *jus quaesitum tertio* tidak akan berlaku jika ianya diletakkan di tangan pihak kehakiman Malaysia.

Dengan demikian, kedapatan keperluan kepada kaedah lain untuk melaksanakan perubahan yang diperlukan. Smith⁸ telah menyarankan tiga langkah asas yang boleh diambil oleh sesiapa yang ingin melakukan reformasi terhadap hak pihak ketiga. Pertama, bezakan hak-hak mereka yang berkepentingan dalam kes-kes priviti. Kedua, tentukan jenis reformasi yang diperlukan untuk merealisasikan hak-hak tersebut. Ketiga, tentukan kaedah terbaik yang mampu dicapai reformasi yang diperlukan, sama ada berbentuk perundangan atau aktivisme kehakiman. Bagi langkah ketiga ini Smith berpendapat perubahan yang dilakukan secara perundangan adalah lebih munasabah dalam memberi hak kontraktual kepada pihak ketiga. Seperti yang dilihat sebelum ini ramai yang sependapat bahawa reformasi yang diusahakan legislatif adalah jalan keluar terbaik.⁹ Langkah ketiga ini turut merupakan premis kepada pindaan kedudukan doktrin priviti dan *jus quaesitum tertio* yang dirasakan perlu dan akan dicadangkan dalam bab ini untuk Malaysia.

Di sini akan dikemukakan cadangan bagi rejim pemakaian doktrin *jus quaesitum tertio* di Malaysia. Walaupun sebarang tindakan yang mungkin diambil Malaysia mengenai kedudukan doktrin priviti dan *jus quaesitum tertio* agak terkebelakang dari segi tempoh masa berbanding negara-negara Komanwel lain, namun ia masih belum terlambat untuk memperkenalkan satu pembaharuan kepada undang-undang kontrak yang tersedia pakai. Malah negara India yang masih mengguna pakai Akta Kontrak India 1872, yang menjadi acuan kepada Akta Kontrak 1950 di Malaysia, belum melakukan sebarang perubahan walaupun telah ada laporan Suruhanjaya Semakan Undang-undang pada tahun 1958¹⁰ yang menyarankan pengiktirafan hak pihak ketiga. Ada kalanya adalah baik untuk bersikap skeptik tetapi masih berupaya untuk mendengar dan berfikir terbuka kepada sebarang kemungkinan positif yang dibawa oleh suatu perubahan. Adalah diharapkan bahawa ini merupakan sebab sebenar mengapa tiada sebarang reaksi kepada perubahan undang-undang kontrak mengenai doktrin priviti di Malaysia dan bukan atas sebab kealpaan atau ketidakpedulian kepada perubahan perundangan yang berlaku di merata dunia.

Untuk mengutarakan rejim yang sesuai dengan keperluan tempatan ini, kajian terhadap teori-teori asas yang mendokongi undang-undang kontrak dibuat agar kaedah pemakaian doktrin yang diperkenalkan turut berpaksikan suatu landasan teori, sama ada kepada satu atau lebih teori asas yang sedia ada atau wujudnya keperluan untuk berubah paradigma kepada teori yang berbeza. Seterusnya, perkara yang diteliti ialah kaedah substantif yang merupakan ciri-ciri penting yang perlu ada dalam skema perundangan khusus yang dicadangkan. Ini bertujuan untuk memberi gambaran keseluruhan kepada mekanisme yang boleh diadaptasi bagi kesesuaian pemakaiannya di Malaysia. Untuk tujuan tersebut, metod analisis legalistik tulen digunakan dengan pendekatan

yang bersifat analitis dan kritis. Apabila penelitian dilakukan terhadap kaedah yang diambil di negara-negara yang terpilih, pendekatan perbandingan bersifat intra sistem digunakan.

LANDASAN PERUNDANGAN *JUS QUAESITUM TERTIO*

Setiap rang undang-undang wajar mempunyai asas pembentukannya, baik dari segi teoretis mahupun substantif. Dengan demikian, kerangka praktikal bagi hak kontraktual pihak ketiga yang diusulkan didahului dengan paparan landasan perundangan bagi membolehkan *jus quaesitum tertio* digunakan tanpa keraguan terhadap asas teori dan kaedah substantifnya.

LANDASAN PERUNDANGAN *JUS QUAESITUM TERTIO*: PENDEKATAN TEORETIS

Dalam usaha untuk menggubal undang-undang baru kepada suatu kerangka undang-undang yang sedia ada, penelitian terhadap landasan teori yang menjadi asas kepada kerangka berkenaan adalah amat perlu agar sebarang perubahan atau pembaharuan yang bakal diperkenalkan itu tidak bertembung dengan asas teori yang sedia ada, di samping mampu wujud berdampingan dengan apa yang sudah ada. Tanpa usaha sedemikian perubahan yang diketengahkan itu bakal berhadapan dengan kesukaran terutamanya dari segi kesinambungan dan kelancaran pemakaiannya.¹¹ Walau bagaimanapun, dalam hal ini terdapat perbezaan pendapat di kalangan para penulis. Flannigan,¹ misalnya, agak sangsi sama ada wujud keperluan untuk meneliti semula kesinambungan prinsip yang mengetengahkan hak pihak ketiga. Ini adalah kerana beliau menyimpulkan doktrin priviti sebagai satu doktrin yang:¹²

...secara sejarah dan teorinya salah dan tidak boleh dijustifikasikan. Berasaskan kepada sebarang teori asas, seorang pihak ketiga seharusnya boleh menguatkuasakan satu *bargain* setakat faedah yang ditentukan. Cara tradisional untuk menerangkan ini ialah obligasi kontraktual dilanjutkan kepada pihak ketiga kerana adanya terma kontrak dan untuk memberi kesan kepada niat pihak-pihak yang membuatnya. Benefisiari adalah 'pihak' kepada kontrak itu kerana beliau telah dikenalpasti secara nyata di dalamnya sebagai seorang yang akan menerima faedah. Tiada hujah yang menentang perkara ini boleh dipertahankan melainkan ianya wujud dari satu teori. Kenyataan yang tidak berasas tidak menentukan maksud 'pihak' atau siapa yang boleh menguatkuasakan kontrak.

Perkaitan teori turut disuarakan penulis-penulis seperti Kincaid,¹⁴ Smith¹⁵ dan Mitchell.¹⁶ Kincaid,¹⁷ misalnya secara berterusan menegaskan bahawa satu asas pemberian hak pihak ketiga yang seragam dengan teori asas kerangka undang-undang kontrak yang diguna pakai adalah amat perlu. Pemberian hak yang dianggap eksklusif ini hanya wajar diberikan jika teori asas yang mendokongi satu-satu rejim undang-undang kontrak itu

membolohkannya. Oleh yang demikian, setelah landasan teori dapat dipastikan barulah pendekatan substantif pula dikaji bagi memantapkan keseluruhan perjalanan kerangka berkenaan. Ia penting demi memastikan tiada pertembungan antara teori asas yang mendokongi kerangka perundangan dengan pendekatan substantif yang digunakan untuk menjelmakan teori yang didokongi itu bagi kegunaan ahli masyarakat.

Telah diujahkan bahawa landasan teori adalah amat penting dalam memberi asas yang kukuh untuk *jus quaesitum tertio* bertapak demi perkembangan dan kelangsungannya kelak. Pendekatan teori yang telah diteliti boleh dibahagi kepada dua. Pertama, penelitian dibuat kepada ideologi, konsep dan teori yang telah menyumbang kepada pembentukan undang-undang kontrak itu secara keseluruhannya. Ini dilakukan demi mendapatkan gambaran yang lebih jelas tentang kerangka konseptual yang mampu mendokong doktrin *jus quaesitum tertio* dalam kerangka undang-undang kontrak. Kedua, teori balasan yang mempunyai impak besar dalam menentukan kejayaan atau kegagalan doktrin *jus quaesitum tertio* berfungsi telah diberikan penekanan yang spesifik.

LANDASAN PERUNDANGAN *JUS QUAESITUM TERTIO*: PENDEKATAN SUBSTANTIF

Apabila telah dikenal pasti dan dipersetujui bahawa pihak ketiga wajar diberikan hak terhadap kontrak berdasarkan kerangka teori yang sedia ada, maka langkah seterusnya adalah untuk menggariskan ruang lingkup di mana hak ini boleh dikuatkuasakan, yakni dalam ertikata skema pengoperasiannya. Ini adalah amat penting bagi memastikan agar hak pihak ketiga yang telah dipersetujui dapat dilaksanakan sepenuhnya. Walau bagaimanapun perlu diingat bahawa pemberian hak ini bukanlah berbentuk *carte blanche*. Adalah diakui bahawa pemberian hak kepada pihak ketiga ini sedikit sebanyak mengecilkan hak mutlak yang diberikan kepada pihak-pihak yang berkontrak di bawah pemahaman otodoks mengenai kontrak yang berasaskan kepada individualisme-pasaran, kebebasan berkontrak dan doktrin priviti.

Menurut Adams, Bayleveled dan Brownsword,¹⁸ kedapatan dua prinsip asas yang menjadi landasan pemikiran Jawatankuasa Undang-undang United Kingdom di seluruh bahagian *Contracts (Rights of Third Parties) Act 1999*.¹⁹ Prinsip pertama ialah menghormati niat pihak-pihak yang berkontrak dan kedua, menghormati jangkaan munasabah pihak ketiga terhadap faedah yang bakal diperolehi. Menurut jawatankuasa ini, adalah aksiom dalam undang-undang kontrak bahawa niat pihak-pihak yang berkontrak merupakan perkara terpenting. Oleh itu apabila mereka menyatakan hasrat untuk memberikan faedah yang boleh dikuatkuasakan oleh pihak ketiga, maka kontrak berkenaan seharusnya mempunyai kesan sedemikian. Begitu jua sebaliknya, jika

mereka tidak mahu pihak ketiga mempunyai sebarang hak menguatkuasakannya maka kontrak berkenaan tidak akan mempunyai kesan seperti itu. Sungguhpun begitu, pihak Jawatankuasa akur bahawa dalam keadaan di mana pihak-pihak yang berkontrak memang berniatkan agar pihak ketiga mempunyai hak menguatkuasakan kontrak, niat pihak-pihak yang berkontrak bukan lagi satu-satunya elemen yang diambilkira – keperluan untuk menjamin jangkaan munasabah pihak ketiga bagi menerima faedah yang diberikan kepadanya itu turut menjadi sandaran. Hakikatnya tugas badan kehakiman dalam memberi pengertian kepada landasan pemikiran yang menjadi asas kepada suatu akta seperti ini amat berat kerana jurang yang memisahkan antara kedua-dua elemen – niat dan jangkaan – agak sempit dan ini menjadikan tugas mengimbangi kedua-duanya turut menjadi sukar. Dengan itu, sebarang ‘bantuan’ dari badan legislatif dalam pembentukan peruntukan akta, misalnya dalam memberi terminologi kepada perkataan-perkataan penting, berupaya membantu meringankan tugas kehakiman yang sukar ini. Dalam kerangka undang-undang kontrak di negara-negara yang telah pun membuka ruang kepada *jus quaesitum tertio* dapat digariskan beberapa ciri penting yang perlu diperuntukkan iaitu: (i) takrifan ‘pihak ketiga’;²⁰ (ii) ujian pemakaian kaedah; (iii) hak novasi ahli kontrak; dan (iv) had hak pihak ketiga. Ini bermakna *jus quaesitum tertio* adalah diletakkan berdampingan dengan doktrin priviti. Namun, ciri liabiliti pihak ketiga tidak dinyatakan. Oleh kerana kedapatan peruntukan unik seksyen 2(d) Akta Kontrak 1950 Malaysia mengenai balasan yang boleh diberikan oleh pihak ketiga atas kehendak pembuat janji, adalah dicadangkan agar hak yang diberikan kepada pihak ketiga terhadap terma atau terma-terma yang memberikan faedah kepada pihak ketiga di Malaysia turut wujud berdampingan dengan liabiliti terhad sepertimana yang terkandung dalam seksyen tersebut. Perbincangan diteruskan dengan menghuraikan keempat-empat ciri tersebut.

Siapakah ‘Pihak Ketiga’? Memberi definisi kepada ‘pihak ketiga’ adalah amat penting. Ia boleh bertindak sebagai mekanisme yang menghadkan pihak-pihak yang akan mengemukakan kes ke mahkamah, sekaligus meredakan kebimbangan yang disuarakan oleh Lord Arbinger dalam kes *Winterbottom v Wright*²¹ tentang kebanjiran kes ke mahkamah. *Contracts (Rights of Third Parties) Act 1999* United Kingdom (Akta 1999 UK)²² dan *Contracts (Rights of Third Parties) Act 2001* Singapura (Akta 2002 Singapura)²³ memerlukan agar seorang pihak ketiga itu dinamakan secara jelas dalam kontrak atau setidak-tidaknya tergolong dalam kelas atau kategori yang diberi deskripsinya dalam kontrak berkenaan. Peruntukan yang serupa wujud dalam *Contracts (Privity) Act 1982* New Zealand (Akta 1982 NZ),²⁴ cuma dalam akta ini terdapat juga peruntukan yang memberi definisi kepada ‘benefisiari’. Begitu juga dalam *Insurance Contracts Act 1984*²⁵ yang terpakai di seluruh Australia. Pemberian definisi ‘benefisiari’ oleh peruntukan dalam *Law of*

Property Act 2000 Northern Territory (Akta 2000 NT)²⁶ serta *Property Law Act 1974 Queensland* (Akta 1974 Queensland)²⁷ pula turut memerlukan agar seorang pihak ketiga itu dikenal pasti, walaupun beliau tidak semestinya wujud pada masa janji diberikan. Peruntukan di Western Australia dalam *Property Law Act 1969* (Akta 1969 WA)²⁸ bagaimanapun adalah lebih sempit dan tidak merangkumi satu kelas atau kumpulan, hanya penama yang jelas tertera namanya.

Dengan memberi peruntukan yang jelas mengenai 'pihak ketiga' atau benefisiari kepada kontrak, saringan peringkat pertama terhadap pihak yang wajar mengemukakan tuntutan berasaskan kontrak boleh dilakukan. Bagi Malaysia, adalah dicadangkan bahawa 'pihak ketiga' perlu dinamakan secara nyata atau tergolong dalam kelas atau kategori yang diberi deskripsinya dalam kontrak berkenaan. Beliau juga tidak semestinya wujud ketika kontrak yang memberikan faedah ini termaktub atau dimeterai. Selain itu, hakikat bahawa pihak ketiga merupakan seorang yang sukarela tidak boleh menafikan beliau dari menerima sebarang faedah yang dinyatakan. Pendefinisian yang tidak terlalu sempit ini semestinya memudahkan semua pihak, baik mereka yang bercadang untuk mengemukakan tuntutan agar mengetahui kedudukan mereka di sisi undang-undang, mahupun pihak kehakiman yang akan memberi penguatkuasaan kepada kontrak.

Ujian Pengkristalan (Crystallisation Test) Tahap kedua saringan bagi menentukan sama ada seseorang itu wajar menerima faedah yang diperuntukkan untuknya dalam kontrak dilakukan menerusi ujian pengkristalan atau *Crystallisation Test*. Mekanisme yang penting ini turut menggariskan keadaan di mana seorang pihak ketiga boleh kehilangan hak untuk menguatkuasakan terma yang memberikannya faedah berkenaan serta membekukan hak ahli-ahli kontrak untuk melakukan sebarang perubahan kepada isi kandung kontrak. Dalam Akta 1999 UK²⁹ dan Akta 2002 Singapura³⁰ digariskan tiga keadaan di mana tindakan pihak ketiga akan mengakibatkan pihak-pihak berkontrak tidak boleh, secara perjanjian, membatalkan atau mengubah kontrak sehingga boleh melenyapkan atau mengubah hak pihak ketiga itu, tanpa persetujuan darinya. Pertama, jika pihak ketiga telah menyampaikan persetujuan terhadap terma berkenaan kepada pembuat janji. Persetujuan ini boleh dibuat dengan kaedah pemberitahuan atau secara perbuatan. Walau apapun kaedah yang dipilih, perkara penting di sini adalah persetujuan pihak ketiga itu sampai kepada pengetahuan pembuat janji (persetujuan). Kedua, pembuat janji sedar bahawa pihak ketiga telah bergantung atau bersandar kepada terma berkenaan (kebergantungan). Kadar kebergantungan yang diterima pakai di sini adalah kebergantungan yang mudah atau *mere reliance*. Ketiga, pembuat janji boleh secara munasabah dianggap dapat meramalkan bahawa pihak ketiga akan bergantung kepada terma itu dan sememangnya beliau berbuat sedemikian (kebolehamalan). Apabila berlaku sama ada persetujuan,

kebergantungan atau kebolehamalan, kesannya ialah hak mutlak pihak-pihak berkontrak untuk melakukan sebarang perubahan atau novasi yang diinginkan terhadap kontrak secara persetujuan bersama dibekukan. Hak ini kini tertakluk kepada persetujuan pihak ketiga.

Ujian ini menggambarkan usaha untuk mengimbangi hak pihak ketiga dan ahli-ahli kontrak. Ia juga menampakkan bahawa hak yang diberikan kepada pihak ketiga tidak bersifat mutlak malah memerlukan pihak ketiga melakukan sesuatu demi mendapatkannya. Secara tidak langsung ia berbeza dari pemberian hadiah atau hibah di mana pihak ketiga mendapat faedah tanpa melakukan apa-apa. Peruntukan ujian ini juga terdapat dalam Akta 2000 NT³¹ dan Akta 1974 Queensland.³² Akta 1982 NZ³³ pula menggunakan dua ujian lain. Ujian pertama, ialah ujian perubahan material, di mana kedudukan pihak ketiga telah berubah secara material kerana kebergantungan pihak ketiga itu atau mana-mana orang lain kepada faedah yang dijanjikan. Di sini, kelihatan kebergantungan oleh pihak ketiga perlu menyebabkan perubahan yang material dan ini berbeza dari apa yang diperuntukkan di United Kingdom dan Singapura, yakni kebergantungan mudah dan bukannya kebergantungan material. Namun adalah dirasakan bahawa pendapat Phang³⁴ mengenai perkara ini ada benarnya. Menurut beliau tiada perbezaan ketara yang sebenarnya wujud antara kedua-dua pemberat yang digunakan kerana perkataan 'material' itu hanya memberi gambaran bahawa kebergantungan oleh pihak ketiga adalah kebergantungan sebenar. Dalam ertikata lain, sememangnya pihak ketiga telah melakukan pergantungan kepada terma yang memberikannya faedah, tidak lebih dari itu. Selain itu, peruntukan seksyen 5(1)(a) New Zealand ini turut membenarkan kebergantungan pihak lain selain dari pihak ketiga yang mengakibatkan perubahan material kepada pihak ketiga turut menjadi penentu. Sekali lagi, ini berbeza dari United Kingdom dan Singapura yang tidak memperuntukannya.

Ujian kedua yang digunakan di New Zealand adalah ujian penghakiman atau award, di mana pihak ketiga telah memperoleh penghakiman mahkamah atau award dari penimbangtara terhadap faedah itu. Pengamatan terhadap ujian di negara-negara terpilih ini menunjukkan bahawa ujian pemakaian yang diguna pakai di United Kingdom dan Singapura adalah lebih jelas dan dilihat sebagai berupaya mengimbangi kepentingan pihak ketiga di samping memelihara hak asal bagi pihak-pihak yang berkontrak. Dengan demikian, adalah dicadangkan agar Malaysia menuruti ujian ini.

Hak Novasi Ahli Kontrak Hak mutlak kepunyaan pihak-pihak yang berkontrak ini berkait rapat dengan pembentukan hak pihak ketiga menerusi *Crystallisation test* yang baru dinyatakan tadi. Ini adalah kerana sebaik sahaja hak pihak ketiga itu terbentuk, hak novasi ahli-ahli kontrak turut tertakluk kepada persetujuan pihak ketiga itu. Oleh yang demikian, lazimnya terdapat peruntukan yang menyatakan sedemikian. Misalnya dalam seksyen 2(1) Akta 1999 UK, seksyen 3(1) Akta 2002 Singapura dan

seksyen 5(1) Akta 1982 NZ.³⁵ Jika diperhatikan perkara ini terletak dalam peruntukan yang sama dengan ujian pengkristalan pihak ketiga. Ini adalah kerana pada ketika yang sama kedua-dua perkara berlaku secara serentak. Oleh itu kedua-dua perkara itu wajar disatukan dalam satu peruntukan bagi mengelakkan sebarang kekeliruan.


Sempadan Hak Pihak Ketiga Penyempadanan hak pihak ketiga sebenarnya bertujuan untuk memberi ingatan kepada pihak ketiga bahawa hak yang diberikan kepada beliau ada batasannya. Walau bagaimanapun dalam seksyen 1(6) Akta 1999 UK dan seksyen 2(6) Akta 2002 Singapura, misalnya, hak yang diperuntukkan sebenarnya agak luas kerana pihak ketiga turut dibenarkan menerima perlindungan dari sebarang fasal kecualian yang ada serta berhak kepada dalihan yang lazimnya digunakan oleh seorang defendan dalam tuntutan kontrak. Akta ini juga hanya menyatakan bahawa pihak ketiga hanya boleh menguatkuasakan terma yang berkaitan dengan faedah yang diberikan kepadanya sahaja dan bukan terhadap keseluruhan kontrak.³⁶ Dalam hal ini, Akta 1982 NZ memberi definisi kepada 'faedah'³⁷ sebagai *inter alia* 'termasuk sebarang kelebihan dan kekebalan'. Jawatankuasa Kecil Priviti Kontrak Suruhanjaya Undang-undang Hong Kong³⁸ mengulas bahawa terma 'kelebihan' adalah mudah difahami dan membawa maksud sesuatu yang positif yang diberikan oleh kontrak, dan 'faedah' boleh berupa wang, harta atau apa-apa bentuk kelebihan kewangan, sementara 'kekebalan' adalah merujuk kepada fasal pengecualian. Pembukaan ruang dalam peruntukan akta kepada pemakaian fasal pengecualian kelihatan tidak sealiran dengan kaedah yang telah dibentuk badan kehakiman dalam mengendalikan permasalahan fasal pengecualian ini.³⁹ Oleh yang demikian, mungkin ada baiknya membiarkan hanya faedah berbentuk 'kelebihan' sahaja yang didefinisikan sebagai faedah yang boleh diberi penguatkuasaan.

Keempat-empat ciri yang dibincangkan merupakan perkara-perkara asas yang dirasakan perlu dicakupi dalam sebarang bentuk perubahan yang hendak disarankan bagi Malaysia. Di samping itu beberapa perkara lain boleh difikirkan, sama ada hendak dimuatkan bersama ataupun tidak. Misalnya patutkah balasan menjadi persoalan yang perlu diperuntukkan; bolehkah pihak-pihak berkontrak diberi hak untuk menyimpan (*reserve*) hak untuk menambah klausa dalam kontrak sebelum hak pihak ketiga terbentuk; perlukah ada peruntukan bagi kuasa budibicara mahkamah untuk membenarkan perubahan atau pembatalan kontrak; dalihan dan tuntutan balas yang bagaimanakah wajar diberikan kepada pemberi janji; bagaimanakah tuntutan yang bertindan terhadap pembuat janji wajar ditangani; dan perlukah dimuatkan peruntukan tentang penimbangtara.

Peruntukan balasan di Malaysia sememangnya unik kerana ia membenarkan pihak ketiga menyempurnakan

balasan dalam suatu kontrak. Shaik Mohd Noor Alam⁴⁰ berpendapat bahawa di Malaysia hanya kontrak yang disokong oleh balasan yang dilakukan atas kehendak pembuat janji sahaja yang akan dikuatkuasakan, tanpa mengira sama ada janji itu *bargain* atau tidak; atau dari mana datangnya balasan berkenaan. Ini bermakna orang yang tidak memberi balasan tetapi terhadapnya wujud satu janji tidak dilihat sebagai orang asing kepada kontrak. Ini sekaligus mengeneppikan keperluan balasan dalam kontrak. Oleh yang demikian, adalah tidak perlu peruntukan mengenainya dinyatakan dalam akta yang dicadangkan. Sehubungan dengan peruntukan seksyen 2(d) yang membolehkan pihak ketiga memberikan balasan, adalah dicadangkan agar pihak ketiga yang gagal memberikan balasan sedemikian, jika diperlukan oleh kontrak berkenaan, adalah dikenakan liabiliti terhad untuk menyempurnakan balasan tersebut sebelum dibenarkan mengemukakan tuntutan terhadap faedah yang diperuntukan di bawah kontrak itu. Merujuk kepada hak menambahkan klausa secara *reserve*, adalah difikirkan bahawa ini boleh diberikan dengan syarat ia tertakluk kepada budibicara mahkamah. Ini adalah untuk memastikan hak pihak ketiga terpelihara. Begitu juga dalam keadaan di mana berlakunya perubahan atau pembatalan kontrak, mahkamah perlu diberikan kuasa budi bicara demi menjaga kepentingan pihak ketiga. Sebenarnya pembuat janji dan penerima janji tidak perlu khuatir kerana jika perubahan atau pembatalan itu dilakukan sebelum hak pihak ketiga itu berkuat kuasa, maka perubahan atau pembatalan itu dianggap sah. Peruntukan sebegini akan bergerak selari dengan prinsip asas mengimbangkan hak pihak-pihak berkontrak dan memelihara kepentingan pihak ketiga.

Dari segi penggunaan dalihan dan mengemukakan tuntutan balas, adalah difikirkan bahawa penggunaan dalihan yang lazim terbuka dalam satu perbicaraan tuntutan kontraktual perlu dibenarkan kerana ia merupakan sebahagian daripada hak yang biasa diberikan kepada pembuat janji. Mengenai tuntutan balas pula, oleh kerana peruntukan seksyen 2(d) membolehkan pihak ketiga mengemukakan balasan maka dalam hal balasan berkenaan tidak diberikan, pembuat janji seharusnya boleh mengenakan tuntutan balas. Dalam persoalan tuntutan bertindan terhadap pembuat janji, segala ganti rugi atau remedi yang diberikan kepada pihak pertama yang menuntut perlu diambil kira dalam pemberian remedi kepada pihak kedua yang mengemukakan tuntutan. Rujukan kepada penimbangtara pula amat baik kerana ia mampu untuk membantu meringankan bebanan pihak mahkamah. Pendekatan substantif yang dibincangkan di sini dapat disimpulkan seperti Rajah 1 berikut:

RAJAH 1. Landasan pendekatan substantif *jus quaesitum tertio*

MALAYSIA : RANG UNDANG-UNDANG KONTRAK (PIHAK KETIGA)

Seperti mana yang telah dinyatakan, pindaan kepada kedudukan doktrin priviti dan *jus quaesitum tertio* yang dicadangkan adalah berbentuk rang undang-undang khusus yang terperinci. Ini adalah kerana hanya pendekatan legislatif sebegini mampu memberikan kepastian dan kejelasan yang tidak boleh diperolehi dari kaedah-kaedah pindaan legislatif lain mahupun menerusi kreativiti kehakiman. Secara amnya, pendekatan Rang Undang-undang yang dicadangkan adalah bersifat memberikan hak serta mengenakan liabiliti terhadap kepada pihak ketiga. Pindaan yang dicadangkan tidak bertujuan mengiktiraf pihak ketiga sebagai ahli kepada kontrak. Ia juga tidak bertujuan untuk memberikan hak menguatkuasakan keseluruhan kontrak atau mengenakan kesemua obligasi kontrak, hanya setakat terma-terma yang memberikan faedah dan mengenakan obligasi kepada pihak ketiga sahaja. Pendekatan sebegini dirasakan sesuai memandangkan tujuan asasnya adalah untuk mengiktiraf *jus quaesitum tertio* dengan berlatarbelakangkan peruntukan seksyen 2(d) Akta Kontrak 1950 yang memungkinkan pihak ketiga memberi balasan bagi menyempurnakan pembikinan kontrak. Sub seksyen (d) ini memperlihatkan keunikan undang-undang kontrak Malaysia yang perlu diambil kira bagi tujuan penyelarasan rejim undang-undang kontrak Malaysia secara keseluruhannya. Ini dengan sendirinya mengeneppikan pegangan kepada keputusan kes *Kepong*. Selain itu Rang undang-undang ini masih mengekalkan sebarang kaedah mengelak doktrin priviti seperti yang diperuntukkan oleh Akta Pelindungan Pengguna 1999 atau mana-mana statut yang memperuntukkan hak pihak ketiga serta sebarang peranti yang telah direka bentuk badan kehakiman di bawah *common law*.

KESIMPULAN

Dalam usaha untuk membawa perubahan kepada kedudukan pihak ketiga dalam kontrak di Malaysia yang selama ini dikekang dengan hebatnya oleh pemakaian

secara patuh kepada doktrin priviti, percaturan yang teliti telah disusun sepanjang tesis ini. Perbincangan teoretis dilakukan bagi melengkapkan usaha perubahan yang diyakini perlu bagi Malaysia dengan mencadangkan regim perundangan khusus serta kaedah substantif yang mengisi pemakaian regim berkenaan. Regim yang dicadangkan telah disesuaikan dengan keperluan tempatan dan mempunyai ciri-ciri gabungan negara-negara terpilih United Kingdom, Australia, New Zealand, Singapura serta pengamatan penyelidik. Adalah dianjurkan bahawa regim pemakaian *jus quaesitum tertio* yang hanya menghadkan autonomi ahli-ahli kontrak dengan skema peruntukan yang serba ringkas dan padat ini mampu membawa perubahan yang diperlukan serta dinanti-nantikan pihak ketiga dalam kontrak.

NOTES

- ¹ *White Paper on Proposals for English and Scottish Law Commission*, Cmnd. 2573 HMSO 1965.
- ² A. Macadam & J. Pyke, *Judicial reasoning and the doctrine of precedent in Australia*, Butterworths, Sydney, 1998, hlm. 4.
- ³ Susunan negara di sini adalah menurut urutan masa penerimaan pakai prinsip *jus quaesitum tertio* ke dalam kerangka undang-undang kontrak di negara-negara ini.
- ⁴ [1996] AC 650, hlm. 658.
- ⁵ Misalnya *Fima Palmbulk Services Sdn. Bhd. v Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang* [1988] 1 MLJ 269; *Overseas Chinese Banking Corporation Ltd. v Woo Hing Brothers (M) Sdn. Bhd.* [1992] 2 MLJ 86; *Sulisen Sdn. Bhd. v Kerajaan Malaysia* [2006] MLJU341; *Overseas Chinese Banking Corporation Ltd. v Woo Hing Brothers (M) Sdn. Bhd.* [1992] 2 MLJ 86.
- ⁶ [1968] MLJ 170.
- ⁷ *Phua Siong Hoe v RHB Bank Bhd. & Anor; Persatuan Pemilik Tanah Taman Pandan (Intervenor)* [2001] 6 CLJ Supp. 326; hlm. 334.
- ⁸ S. Smith, "Contracts for the benefit of third parties: in defence of the third-party rule", (1997) 17 *OJLS* 643, hlm. 660-661.
- ⁹ Viscount Simonds dalam kes *Scruttons v. Midland Silicones* [1962] AC 446, hlm. 468; Lord Reid dalam *Beswick v. Beswick* [1968] AC 58, hlm. 72; Lord Scarman dalam *Woodar Investment Development Ltd. v Wimpey Construction (UK) Ltd.* [1968] 1 WLR 277, hlm. 300-301; Jawatankuasa Semakan Undang-undang (Cmd. 5449): 1937, G.H. Treitel, *Some landmarks of twentieth century contract law*, Clarendon Press, Oxford, 2002, hlm 101-102.
- ¹⁰ Law Commission of India, *Thirteenth report (Contract Act 1872)* 1958. Pindaan yang dianjurkan oleh suruhanjaya di India ini lebih mirip kepada apa yang dikemukakan dalam Laporan 1937 di United Kingdom. Lihat perenggan 16. Namun suruhanjaya India ini menolak, di perenggan 9, cadangan yang membabitkan pemansuhan doktrin balasan seperti yang dinyatakan dalam laporan yang sama kerana merasakan ia akan menggugat asas perundangan kontrak dan akan memerlukan satu rombakan yang amat besar dan menyeluruh yang tidak diperlukan oleh India.

- ¹¹ Ini seperti yang disuarakan oleh Lord Denning, Viscount Simonds, Lord Reid, Lord Keith dan Lord Morris dalam kes *Scruttons Ltd. v Midlands Silicones* [1962] AC 446 tentang keputusan kes *Elder, Dempster & Co. Ltd. v Paterson, Zochonis & Co. Ltd* [1924] AC 522 untuk membentuk satu peranti baru, kekebalan bersama, dari prinsip asas undang-undang tort tanggungan bersama.
- ¹² R. Flannigan, "Privity – the end of an era (error)" [1987] *LQR* 564, hlm. 582 n. 19.
- ¹³ R. Flannigan, 1987, hlm. 592-592.
- ¹⁴ P. Kincaid, Privity and private justice in contract dalam Kincaid, P. (ed.). 2001. *Privity – private justice or public regulation*. Ashgate, Aldershot, hlm. 60-61.
- ¹⁵ S. Smith, "Contracts for the benefit of third parties: in defence of the third-party rule", (1997) 17 *O.J.L.S.* 643, hlm. 645-649.
- ¹⁶ C. Mitchell, Searching for the principles behind privity reform, dalam Kincaid, P. (ed.). 2001. *Privity – private justice or public regulation*. hlm. 106.
- ¹⁷ P. Kincaid, "The UK Law Commission's privity proposals and contract theory", (1994) 8 *JCL* 51, hlm. 51-53; dan "Third parties: rasonalising the right to sue", [1989] 48 *CLJ* 243, hlm. 244, 262-263.
- ¹⁸ J. N. Adams, D. Beyleveld dan R. Brownsword, "Privity of contract – the benefits and the burdens of law reform" (1997) 60 *MLR* 238, hlm. 240.
- ¹⁹ Begitu juga di Singapura.
- ²⁰ Bagi Malaysia, adalah dicadangkan agar beberapa terminologi tertentu diberikan interpretasi, misalnya 'pihak ketiga', 'kontrak', 'faedah', 'pembuat janji' dan 'pemberi janji'.
- ²¹ 10 M. & W. 109; 152 ER 402.
- ²² Seksyen 1(3).
- ²³ Seksyen 2(3).
- ²⁴ Seksyen 4 – "Where a promise contained in a deed or contract confers, or purport to confer, a benefit on a person, designated by name, description, or reference to a class, who is not a party to the deed or contract (whether or not the person is in existence at the time when the deed or contract is made), the promisor shall be under an obligation, enforceable at the suit of that person, to perform that promise:..."
- ²⁵ Seksyen 48(1) – "Where a person who is not a party to a contract of general insurance is specified or referred to in the contract, whether by name or otherwise, as a person to whom the insurance cover provided by the contract extends, that person has a right to recover the amount of his loss from the insurer in accordance with the contract, notwithstanding that he is not a party to the contract."
- ²⁶ Seksyen 56 – "a person other than the promisor and promisee, and includes a person who, at the time of acceptance is identified and in existence, although that person may not have been identified or in existence at the time when the promise was given."
- ²⁷ Seksyen 55.
- ²⁸ Seksyen 11(2).
- ²⁹ Seksyen 1(1).
- ³⁰ Seksyen 2(1).
- ³¹ Seksyen 56 (1), mirip kepada peruntukan *Property Law Act 1974* Queensland.
- ³² Seksyen 55(1) – "A promisor...shall, upon acceptance by the beneficiary, be subject to a duty enforceable by the beneficiary to perform that promise."
- ³³ Seksyen 5(1)(a) – "The position of a beneficiary has been materially altered by the reliance of that beneficiary or any other person on that promise (whether or not that beneficiary or that other person has knowledge of the precise terms of the promise); or (b) A beneficiary has obtained against the promisor judgement upon the promise; or (c) A beneficiary has obtained against the promisor award upon a submission relating to the promise". Lihat juga seksyen 6(b)(iii) Akta 1982 NZ ini.
- ³⁴ Law Reform and Revision Division Attorney-General's Chambers Singapore, *The Contracts (rights of third parties) Bill 2001 LRRD No. 2/2001*, perenggan 3.7.5 .
- ³⁵ "...the promise and obligation imposed by that section may not be varied or discharged without consent of that beneficiary".
- ³⁶ Seksyen 1(1) – "Subject to the provisions of this Act, a person who is not a party to a contract (a "third party") may in his own right enforce a term of the contract..." (penekanan ditambah).
- ³⁷ Seksyen 2 Akta 1999 UK dan seksyen 3 Akta 2002 Singapura.
- ³⁸ The Law Reform Commission of Hong Kong, Privity of Contract Sub Committee, 2004, *Consultation Paper: Privity of Contract*. 5], hlm. 35. <http://www.hkreform.gov.hk> [Tarikh capaian: 20 Oktober 2005].
- ³⁹ Kaedah penerapan menerusi *L'Estrange v Graucob* [1934] 2 KB 394, *Chapelton v Barry UDC* [1940] KB 532, *Parker v South Eastern Railway Co.* (1877)2 CPD 416, *Thornton v Shoe Lane Parking Ltd.* [1971] QB 163, *Olley v Marlborough Court Ltd* [1949] 1 All ER 127, *Spurling v Bradshaw* [1956] 2 All ER 121; dan *contra proferentum* dalam *Baldry v Marshall* [1925] 1 KB 260, *Suisse Atlantique Société D'Armement Maritime v NV Rotterdamsche Kolen Centrale* [1966] 2 All ER 61, *Photo Production Ltd. v Securicor Transport Ltd.* [1980] AC 827.
- ⁴⁰ Shaik Mohd Noor Alam, *Kontrak & kewajipan: undang-undang di beberapa negara ASEAN terpilih*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1998, hlm. 198-200.

RUJUKAN

- Adams, J.N., Beyleveld, D. dan Brownsword, R. 1997. Privity of Contract – The Benefits and The Burdens of Law Reform. 60 *MLR* 238.
- Flannigan, R. 1987. Privity – The End of An Era (Error) [1987] *LQR* 564.
- HMSO. 1965. *White Paper on Proposals for English and Scottish Law Commission*, Cmnd. 2573. London: HMSO.
- Kincaid, P. 1989. Third Parties: Rasonalising The Right To Sue. [1989] 48 *CLJ* 243.
- Kincaid, P. 1994. The UK Law Commission's Privity Proposals And Contract Theory (1994) 8 *JCL* 51.
- Kincaid, P. 2001. Privity And Private Justice in Contract. Dalam Kincaid, P. eds. *Privity – Private Justice Or Public Regulation*. Ashgate: Aldershot.
- Law Commission of India. 1958. *Thirteenth Report (Contract Act 1872)*.

- Law Reform and Revision Division Attorney-General's Chambers Singapore. 2001. *The Contracts (rights of third parties) Bill 2001 LRRD No.2/2001*.
- Macadam, A. & Pyke, J. 1998. *Judicial Reasoning and the Doctrine of Precedent in Australia*. Butterworths: Sydney.
- Mitchell, C. 2001. Searching For The Principles Behind Privity Reform. Dalam Kincaid, P. eds., *Privity – private justice or public regulation*. Ashgate: Aldershot.
- Shaik Mohd Noor Alam. 1998. *Kontrak & Kewajipan: Undang-undang di Beberapa Negara ASEAN Terpilih*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Smith, S. 1997. Contracts for the Benefit of Third Parties: In Defence of The Third-Party Rule. (1997) 17 *OJLS* 643.
- The Law Reform Commission of Hong Kong. 2004. Privity of Contract Sub Committee. *Consultation Paper: Privity of Contract*. <http://www.hkreform.gov.hk> [20 Oktober 2005].
- Treitel, G.H. 2002. *Some Landmarks of Twentieth Century Contract Law*. Oxford: Clarendon Press.
- Dr. Suzanna Mohamed Isa
Professor Madya
Fakulti Undang-Undang
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi
Selangor.
E-mel : zie@ukm.edu.my
- Dr. Sakina Shaik Ahmad Yusoff
Professor Madya
Fakulti Undang-Undang
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi
Selangor.
E-mel : kinasay@ukm.edu.my